

SALAH FAHAM ANTARA PAKAIAN MENUTUP AURAT DAN MEMBALUT AURAT DALAM MASYARAKAT WANITA ISLAM DI MALAYSIA

MISUNDERSTANDING BETWEEN CLOTHES THAT COVER THE AURAH AND WRAPPING THE AURAH IN THE SOCIETY OF MUSLIM WOMEN IN MALAYSIA

Norzaleha Zainun¹

Zolina Mohamad^{*2}

Suriati Saidan³

Shahrizad Fitri Mustapha⁴

Kamarulzaman Saidi⁵

¹ Kolej pengajian Seni Kreatif, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, Perak, Malaysia, (Email: norza406@uitm.edu.my)

^{*2} Kolej pengajian Seni Kreatif, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, Perak, Malaysia, (Email: zolina623@uitm.edu.my)

³ Kolej pengajian Seni Kreatif, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor, Malaysia, (Email: suria509@uitm.edu.my)

⁴ Kolej pengajian Seni Kreatif, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, Perak, Malaysia, (Email: shahr499@uitm.edu.my)

⁵ Kolej pengajian Seni Kreatif, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, Perak, Malaysia, (Email: kamarulzamansaidi@uitm.edu.my)

Article history

Received date : 15-3-2023

Revised date : 20-3-2023

Accepted date : 1-7-2023

Published date : 20-7-2023

To cite this document:

Zainun, N., Mohamad, Z., Saidan, S., Mustapha, S. F., & Saidi, K. (2023). Salah Faham antara Pakaian Menutup Aurat dan Membalut Aurat dalam Masyarakat Wanita Islam di Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 8 (54), 283 - 299.

Abstrak: Tuntutan berpakaian menutup aurat samada bagi lelaki dan wanita yang telah baligh merupakan satu kewajipan yang telah diketahui umum dan perlu dipatuhi bagi seluruh umat beragama Islam. Kewajipan berpakaian menutup aurat merupakan salah satu tuntutan dalam Syariah Islam yang telah banyak diperjelaskan dalam Al-Quran dan hadis. Tren atau cara berpakaian khususnya bagi golongan wanita muslim di Malaysia masakini amatlah merisaukan kerana dilihat lebih kepada membaluti aurat dari menutupi aurat. Menutup aurat dan membalut aurat merupakan dua situasi yang mempunyai maksud berbeza. Dalam konsep menutup aurat, harus menitikberatkan tentang menutup semua bahagian anggota badan terutamanya di bahagian dada kecuali muka dan pergelangan tapak tangan. Pakaian mestilah tidak terlalu ketat, tidak pendek dan mesti longgar melepasi buku lali. Jika pakaian yang dipakai sangat nipis hendaklah ditutupi dengan potongan pakaian lain dibahagian luar supaya orang lain tidak dapat melihat secara langsung pada anggota badan sipemakai. Berikutan permasalahan yang timbul, penulisan ilmiah ini akan mengupas dengan lebih lanjut bagi maksud dan perbezaan sebenar antara pakaian menutup aurat dan membalut aurat agar dapat dikongsi sebagai wadah ilmu khususnya bagi golongan wanita Islam. Pendekatan kaedah

kualitatif digunakan bagi lapangan kajian ilmiah ini. Antara kaedah asas yang digunakan adalah kaedah pemerhatian secara terus melalui data primer dan data sekunder. Melalui dapatan kajian situasi berpakaian membalut aurat ini berlaku akibat pengaruh perkembangan fesyen semasa yang meniru budaya pakaian barat, mahukan fesyen yang 'up to date' dan kurangnya ilmu dalam berpakaian menutup aurat berlandaskan syariah.

Kata Kunci: *Pakaian Menutup Aurat; Pakaian Membalut Aurat; Perbezaan Membalut Dan Menutup Aurat; Pakaian Patuh Syariah*

Abstract: *All Muslims are obligated to dress that cover their aurah for both men and women who have reached puberty. The obligation to dress cover the aurah is one of the demands in Islamic Sharia that has been explained a lot in the Quran and Hadith. The current trends or ways of dressings nowadays for Muslim women in Malaysia, are troubling because they are more to wrapping the aurah but not covering it. Covering the aurah and wrapping the aurah are two situations with different meanings. To cover the aurah, it is important to cover all parts of the body, particularly the chest area, with the exception of the face and wrists. Clothing must not be too tight or short, and must be loose-fitting after ankles. If the clothes worn are very thin, it's important to cover them with other pieces of clothing on the outside to prevent others from seeing the body shape of the wearer. The purpose of this writing is to provide an in-depth explanation of the meaning and differences between clothing covering the aurah and wrapping the aurah, which will be shared with the public especially for Muslim women. A qualitative method is used for this area of investigation. Direct observation through primary and secondary data is one of the basic methods used. According to the findings, the situation of wrapping the aurah is caused by the influence of current fashion development, follow the culture of western clothing, up to date on fashion trends and lack of knowledge in dressing to cover the aurah based on Sharia.*

Keywords: *Clothing Cover The Aurah; Clothing Wrapping The Aurah; Different Between Cover And Wrapping The Aurah ; Syariah Clothing*

Pengenalan

Allah telah menciptakan manusia dengan pelbagai kesenangan dan keselesaan untuk memenuhi keperluan hidup. Kemewahan khazanah alam semesta ciptaan Allah telah memberikan manusia peluang untuk mencari, mengenal dan menggunakannya dengan bijaksana melalui akal fikiran. Antara nikmat teragung Allah kepada manusia ialah kebolehan menjana idea dalam pembuatan pakaian untuk menutup tubuh manusia dari cuaca panas dan sejuk, sebagai perlindungan, sebagai pengantara membezakan agama dan budaya, pangkat, darjat dan sebagainya. Menurut Yedida Kalfon Stillman yang diterjemahkan bermaksud:

“Pakaian membentuk pernyataan budaya. Ia adalah manifestasi budaya yang melibatkan karya indah daripada seni, seni bina, literatur dan muzik. Seperti semua fenomena budaya, pakaian menyampaikan banyak maklumat yang merangkumi tahap fizikal dan simbolik tentang sesebuah masyarakat di mana ia ditemui. Dalam masyarakat Islam pula, pakaian adalah berkait rapat dengan budaya sesebuah negara, lambang kesucian, tingkah laku ritual dan membezakan antara orang beriman dengan orang kafir, serta membezakan jantina lelaki dan perempuan.”

Islam telah menggariskan garis panduan tertentu yang perlu diikuti oleh setiap wanita Islam apabila mereka mencapai akil baligh. Al-Quran merupakan sumber rujukan utama bagi mengetahui perintah berpakaian menutup aurat bagi kaum muslimim dan muslimat. Al-Quran telah menyatakan bahawa aurat bagi wanita Islam adalah pada seluruh tubuh badan kecuali muka dan tapak tangan dan hendaklah ditutup bagi lelaki ajnabi iaitu yang bukan mahram. Seperti yang dinyatakan dalam Al-Quran, Surah An-Nur 24 ayat 31 yang bermaksud:

“Katakanlah kepada wanita yang beriman: “Hendaklah mereka menahan pandangannya, dan kemaluannya, dan janganlah mereka menampakkan perhiasannya, kecuali yang (biasa) nampak dari padanya. Dan hendaklah mereka menutupkan kain kudung ke dadanya, dan janganlah menampakkan perhiasannya kecuali kepada suami mereka, atau ayah mereka, atau ayah suami mereka, atau putera-putera mereka, atau putera-putera suami mereka, atau saudara-saudara laki-laki mereka, atau putera-putera saudara lelaki mereka, atau putera-putera saudara perempuan mereka, atau wanita-wanita Islam, atau hamba-hamba yang mereka miliki, atau pelayan-pelayan laki-laki yang tidak mempunyai keinginan (terhadap wanita) atau anak-anak yang belum mengerti tentang aurat wanita. Dan janganlah mereka memukulkan kakinya agar diketahui perhiasan yang mereka sembunyikan. Dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, hai orang-orang yang beriman supaya kamu beruntung.”

Menurut bahan bacaan literatur dari Mohd Izhar Ariff Mohd Kassim dalam artikel nya yang berjudul ‘Syarat dalam Berfesyen’ Majalah Al Islam Mei 2022, iaitu “Allah sukakan kecantikan dan kecantikan dalam berfesyen itu perlulah diselaraskan dengan syarat-syarat seperti pakaian hendaklah menutup aurat sepenuhnya dan bersesuaian dengan budi pekerti seorang muslim atau wanita”. Menurut fiqh, aurat diterjemahkan sebagai anggota badan yang wajib ditutup daripada pandangan yang lain. Maksud yang lebih jelas adalah tubuh manusia hendaklah ditutup dengan pakaian demi menjaga dan memelihara maruah manusia dan tiada pengecualian dalam soal menjaga aurat.

Objektif penulisan ilmiah ini adalah bagi mengupas dengan lebih lanjut maksud dan perbezaan sebenar antara pakaian menutup aurat dan membalut aurat agar dapat dikongsi sebagai wadah ilmu khususnya bagi golongan wanita Islam. Selain itu kajian ilmiah ini juga untuk meningkatkan kesedaran kepada golongan Muslimah di Malaysia tentang pendidikan dan kefahaman mengenai pakaian Islam yang sebenar.

Metodologi

Pendekatan kaedah kualitatif digunakan bagi lapangan kajian ilmiah ini. Antara kaedah asas yang digunakan adalah kaedah pemerhatian secara terus melalui data primer dan data sekunder. Kaedah dijalankan dengan mengambil contoh pakaian yang dipakai oleh wanita muslim yang bertudung bagi mengenal pasti samada menutup atau membalut aurat. Kajian ini juga turut menggunakan kaedah sejarah dengan menerokai ciri-ciri pakaian Islam yang berpegang kepada ajaran Al- Quran dan Al-Hadis. Kajian sejarah ialah penyelidikan yang melibatkan keseluruhan aktiviti manusia. Ia bertujuan untuk meneroka lebih banyak fakta sejarah, kepercayaan, budaya dan pemahaman tentang aktiviti manusia.

Gelombang Fesyen Semasa Penyumbang Kepada Pengaruh Pakaian Membalut Aurat

Perkembangan industri fesyen muslimah di Malaysia merupakan satu perubahan positif yang banyak mendorong dan memberi galakan wanita untuk berhijrah. Berhijrah dari tidak memakai tudung kepada bertudung dan memakai pakaian yang lebih sopan. Pengaruh dari dunia selebriti

juga memainkan peranan berlakunya perkembangan industri fesyen muslimah berikutan ramai artis wanita dan remaja Malaysia yang sudah berhijrah dengan menutup aurat. Lonjakan ini berlaku seperti cendawan yang tumbuh selepas hujan kerana masing-masing tidak mahu ketinggalan dalam mengenakan pakaian yang 'up to date' iaitu mengikut tren fesyen terkini. Walaubagaimana pun masih terdapat banyak kesilapan yang dilakukan dalam mengenakan pakaian menutup aurat kerana keghairahan para wanita muslimah mengikut perkembangan fesyen semasa yang tidak patuh Syariah.

Menurut Nozira Salleh 2021 dalam penulisan artikelnya *“Umumnya, para Muslimah zaman kini adalah antara wanita yang berani menggunakan pelbagai fesyen pakaian dan perhiasan yang berada di pasaran. Pakaian bukan lagi dilihat sebagai sesuatu yang menutup aurat semata-mata, tetapi ia juga sebagai satu elemen fesyen yang melambangkan ‘up to date’ dan status diri. Sememangnya perlu diakui bahawa fesyen pakaian wanita Muslimah kini adalah sangat hebat sehingga wujudnya istilah ‘industri fesyen wanita Muslimah’ dan ‘busana Muslimah’.”*

Sememangnya tidak dinafikan bahawa bukan satu perkara yang mudah untuk memberi kesedaran kepada seluruh masyarakat agar memakai pakaian yang patuh syariah terutama bagi mereka yang memakai tudung. Pengaruh dunia fesyen yang sentiasa terlihat di media sosial seperti Facebook, Instagram, Tik Tok, You Tube, laman web, blog dan sebagainya sangat memberi pengaruh yang kuat bagi golongan muslimah untuk turut sama berpakaian sebegitu. Bagi mereka jika tidak mengikut tren semasa, sudah pasti akan dilabel tidak 'up to date' dan ketinggalan zaman. Bukan semua gaya fesyen muslimah yang dipertontonkan tidak patuh syariah tetapi kebanyakan yang menjadi ikutan tidak sesuai untuk disebut sebagai pakaian Islam. Situasi ini berlaku kerana pakaian yang dipakai bukan lah pakaian yang menutup aurat tetapi membalut aurat.

Menurut Dr. Fariza Md Sham, pensyarah dari Jabatan Dakwah dan Kepimpinan Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia iaitu:

“Islam tidak pernah melarang umatnya bergaya dan mengikuti aliran fesyen selagi ia bertepatan dengan hukum agama. Islam menggariskan wanita mesti menutup seluruh anggota badan kecuali muka dan tapak tangan. Pakaian pula daripada jenis kain yang tebal, tidak nipis dan jarang supaya tidak menampakkan susuk tubuh. Selain itu pakaian yang dipakai mestilah longgar dan tidak terlalu ketat.”

Istilah longgar dan tidak terlalu ketat itu merupakan hal yang amat penting dititik beratkan dalam soal pemilihan pakaian apatah lagi pakaian yang dipilih itu dipakai pada tontonan umum masyarakat. Justeru, jangan sewenang-wenangnya mengenakan pakaian yang hanya menutup anggota badan tetapi ketat seperti hanya melilit anggota badan.

Terdapat pelbagai fesyen busana muslimah yang semakin menjadi ikutan para muslimah sama ada yang tinggal di bandar mahupun di kampung. Antara ikutan tren terkini yang panas di pasaran terutama bagi golongan remaja dan wanita muslimah adalah gaya hipster, gaya gipsi, gaya ranggi, gaya mewah, gaya glamor, gaya *color blocking*, gaya harajuku, gaya *east meet west* dan pelbagai lagi gaya yang digabungkan antara benua dan negara. Antara contoh gabungan fesyen semasa yang menjadi ikutan adalah, ada yang memakai jubah dan bertudung labuh, ada yang berjubah moden tetapi bertudung singkat tidak menutupi paras dada atau berturban sahaja, ada yang berselendang sahaja sehingga menampakkan rambut, ada yang berbaju labuh tetapi ketat dan sendat mengikut bentuk badan, berseluar panjang tetapi potongan

bawah pendek sehingga menampakkan betis kaki, berkemeja longgar tetapi jarang sehingga menampakkan bentuk pakaian dalam kerana bertudung singkat, berseluar jeans yang ketat dari punggung hingga ke bawah kaki dan bermacam-macam lagi. Gelombang fesyen semasa inilah yang bercambah menjadi ikutan hari demi hari bagi golongan muslimah yang terlampau mahukan 'up to date' dalam soal berpakaian apatah lagi dunia sekarang semuanya hanya dihujung jari. Pembelian secara online di alam maya merupakan pengaruh besar bagi memudahkan para pembeli untuk mendapatkan rekaan pakaian yang diinginkan sekaligus meningkatkan kuasa belian yang sangat besar di kalangan para wanita dan remaja muslimah. Hal ini sememangnya secara tidak langsung menjadi penyumbang utama kepada berkembangnya fesyen muslimah kontemporari di abad ini. Sama ada sengaja atau tidak gaya fesyen muslimah kontemporari yang hadir dengan pelbagai pilihan dipasaran tempatan ada juga yang mengandungi unsur-unsur tabarruj iaitu keterlaluan dari segi perhiasan yang ada termasuklah gabungan warna yang terang dan bewarna warni. Situasi ini sekaligus menyimpang daripada etika pemakaian yang ditetapkan oleh Islam.

Justeru, adalah menjadi tanggungjawab bersama untuk mengetahui dan memahami perbezaan sebenar antara pakaian Islam yang menutup aurat dan sebaliknya iaitu membalut aurat. Ilmu pengetahuan ini sangat perlu diambil sebagai panduan sebelum memakai pakaian yang dipertontonkan kepada masyarakat umum yang boleh menimbulkan pelbagai fitnah dan umpatan. Sebelum diperjelaskan dengan lebih terperinci mengenai pakaian menutup dan membalut aurat adalah perlu untuk dikongsi bersama tentang hukum berpakaian menurut Islam berserta maksudnya.

Hukum Berpakaian Menurut Islam

Islam tidak menetapkan model atau fesyen pakaian tertentu kepada umatnya, termasuklah kepada golongan wanita. Tren pakaian wanita muslimah yang berkembang pesat selari dengan peredaran zaman tidak salah dipakai selagi pakaian yang dipakai itu mengikut panduan asas syariat dan tidak melanggar aturan yang telah ditetapkan. Walau bagaimanapun, Islam melarang wanita memakai pakaian yang boleh melahirkan sikap sombong, riak, megah, bangga dan mahu menunjuk-nunjuk walaupun ianya nampak sopan dipakai. Sebagai seorang muslimah perlulah mengetahui apa itu hukum berpakaian agar tidak tersasar dalam memilih pakaian yang hendak dipakai.

Antara hukum-hukum tersebut ialah wajib, mustahab(Sunah), mubah, makruh dan haram.

1.Pakaian yang difardukan (wajib)

Pakaian yang difardukan bermaksud pakaian yang melindungi anggota badan dari cuaca panas dan sejuk seperti mana firman Allah S.W.T bermaksud:

“Dia jadikan kamu pakaian yang memeliharaku daripada panas dan pakaian (baju besi) yang memelihara kamu dari peperangan. Demikianlah Allah menyempurnakan nikmat-Nya atas kamu agar kamu berserah diri (kepada-Nya).”

Surah An-Nahl ayat 81.

“Wahai anak-anak adam, pakailah pakaian mu yang indah di setiap (memasuki) masjid. Makan dan minumlah dan janganlah berlebih-lebihan. Sesungguhnya Allah tidak akan menyukai orang-orang yang berlebih-lebihan.”

Surah Al-Araf ayat 31.

Perintah memakai pakaian menjadi wajib hukumnya dengan tujuan untuk melindungi diri dengan syarat ia menutupi seluruh aurat yang telah ditetapkan syariat. Begitu juga pakaian ketika hendak ke masjid bagi lelaki dan wanita. Islam menetapkan supaya berpakaian secara rapi dan kemas.

2. Pakaian yang mustahab (sunah)

Pakaian sunah bermaksud pakaian yang mempunyai corak, motif dan fesyen yang dapat memberikan keselesaan dan nikmat yang sesuai dengan niat syukur seperti mana firman Allah S.W.T bermaksud:

“Dan terhadap nikmat Tuhanmu maka hendaklah kamu menyebut-nyebutnya (bersyukur).”

Surah A-Duha ayat 11.”

3. Pakaian yang dibolehkan (mubah)

Pakaian mubah bermaksud pakaian yang kelihatan indah dan bagus dipakai sehingga menjadi perhiasan bagi yang memakainya mengikut adab cara berpakaian dan berhias menurut Al-Quran dan sunah. Pakaian yang dimaksudkan kebiasannya dipakai pada waktu-waktu tertentu sahaja seperti, mesyuarat, hari-hari perayaan, mengerjakan solat di masjid dan hari-hari penting yang lain. Terdapat hadis yang diriwayatkan oleh Aisyah r.a iaitu Nabi Muhammad s.a.w telah bersabda:

“Sepatutnya diantara kamu jika mendapat kelapangan supaya memakai dua pakaian yang berbeza pada hari Jumaat bukan pakaian yang dipakai pada waktu kerja.”

(hadis riwayat. Ibn Majah).

4. Pakaian yang tidak disukai (makruh)

Pakaian yang makruh dipakai adalah pakaian yang boleh menonjolkan sikap angkuh, bangga, riak dan menunjuk-nunjuk.

“Daripada Ibn Abbas berkata bahawa Nabi bersabda: Jika kamu mengkehendaki pakailah pakaian yang kamu sukai dan tetapi dua perkara yang tidak boleh bagimu iaitu berlebih-lebihan dan bermegah-megahan.”

(hadis riwayat Bukhari).

Hadis bermaksud pakaian yang dipakai menjadi makruh apabila terdapat sikap sombong, berlagak riak dan mahu menunjuk-nunjuk ketika memakainya.

5. Pakaian yang haram

Sifat sombong, angkuh dan bangga pada hakikatnya adalah haram. Maka jika setiap sesuatu pakaian yang dipakai menimbulkan sifa-sifat negatif ini maka pakaian yang dipakai boleh menjadi haram walaupun menutup aurat. Begitu juga dengan pakaian dari sutera diharamkan untuk lelaki memakainya tetapi boleh bagi wanita kecuali untuk pakaian ketika solat tidak boleh memakai sutera.

Pakaian Menutup Aurat

Sebagai seorang muslimah yang sejati dan baik akhlak serta tingkah lakunya sudah pasti mahukan yang terbaik dalam setiap sesuatu yang dilakukan termasuklah dalam soal pemilihan pakaian. Apa itu pakaian menutup aurat?

Secara umumnya pakaian bermaksud sesuatu yang digunakan untuk menutup anggota badan termasuklah baju, seluar, kain, sarung tangan, stokin, tudung, dan sebagainya. Pakaian dicipta bagi melindungi tubuh badan manusia dari keadaan cuaca panas dan sejuk, ciri ciri persekitaran yang lain, keselamatan serta melambangkan sesebuah kebudayaan dan sosial bagi masyarakat berlainan agama dan bangsa. Allah telah berfirman dalam Surah Al- Araf 7, ayat 26 yang bermaksud:

“Wahai anak-anak Adam! Sesungguhnya Kami telah menurunkan kepada kamu (bahan-bahan untuk) pakaian menutup aurat kamu, dan pakaian perhiasan; dan pakaian yang berupa taqwa itulah yang sebaik-baiknya. Yang demikian itu adalah dari tanda-tanda (limpah kurnia) Allah (dan rahmat-Nya kepada hamba-hamba-Nya) supaya mereka mengenang-Nya (dan bersyukur).

”

Dalam surah ini jelas Allah menyebut agar memakai pakaian menutup aurat dan diperjelaskan lagi pada surah An-Nur 24 ayat 31 yang telah dijelaskan maksudnya pada bahagian pengenalan penulisan ilmiah ini. Berikut terdapat 10 panduan pakaian menutup aurat patuh syariah berdasarkan dari sumber rujukan al-quran dan hadis sahih.

Tip atau panduan ini diterangkan secara ringkas tetapi padat supaya mudah difahami dan mudah diikuti oleh para muslimah. Panduan pakaian menutup aurat ini juga bertujuan menjaga maruah seorang muslimah sekaligus dapat menjaga nama baik agama Islam:

1. Pakaian menutup aurat bermaksud pakaian yang dikenakan mesti meliputi seluruh anggota badan kecuali muka dan kedua-dua telapak tangan. Sekiranya muslimah memakai seluar pastikan seluar yang dipakai itu labuh dan menutup aurat.
2. Labuhkan tudung menutupi bahagian dada. Walaupun seluruh anggota badan dilindungi sepenuhnya dengan pakaian, tudung yang dipakai mestilah labuh sehingga menutupi kawasan dada. Seperti yang diterangkan dalam Surah An-Nur, ayat 31 yang telah dijelaskan dalam Surah Al-Ahzab, ayat 59:

“Wahai Nabi, suruhlah isteri-isterimu dan anak-anak perempuanmu dan perempuan-perempuan yang beriman, supaya melabuhkan pakaiannya bagi menutup seluruh tubuhnya (semasa mereka keluar); cara yang demikian lebih sesuai untuk mereka dikenal (sebagai perempuan yang baik-baik) maka dengan itu mereka tidak diganggu. Dan (ingatlah) Allah adalah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.”

Tudung kepala yang dipakai perlu menutupi rambut sehingga melepasi bahagian dada bagi melindungi maruah seseorang wanita dan bagi mengelakkan fitnah yang dilihat oleh mata terutama terhadap golongan lelaki. Jika ingin bersanggul, pastikan bentuk rambut itu tidak kelihatan bonggol dibelakang tudung kerana ini mampu untuk memberi daya tarikan.

3. Pakaian yang dipakai walaupun meliputi seluruh badan mesti longgar, tidak ketat dan tidak sempit. Ia bertujuan menghalang bentuk tubuh perempuan yang menggoda dilihat oleh lelaki. Perbuatan menunjukkan bentuk susuk badan walaupun pakaian yang dipakai meliputi seluruh tubuh adalah dilarang. Ini dinyatakan dalam Surah An-Nur, ayat 31 dan Surah Al-Azhab, ayat 59 seperti yang telah dinyatakan sebelumnya.
4. Pakaian tidak boleh terlalu nipis sehingga menampakkan bentuk fizikal badan. Memakai pakaian yang seakan warna tona kulit juga dilarang kerana ia sangat

bertepatan dengan ungkapan berpakaian tetapi kelihatan telanjang. Nabi Muhammad saw berkata, diterjemahkan sebagai:

"Terdapat dua jenis neraka yang saya tidak pernah (Nabi Muhammad Shallallahu 'Alaihi Wasallam) melihatnya, iaitu lelaki yang memegang cambuk seperti ekor sapi yang mereka gunakan untuk mengalahkan orang lain, dan wanita yang berpakaian, tetapi mereka (benar-benar) telanjang (pakaian tidak menutupi rasa malu, kepala dan badan seperti yang diperintahkan oleh agama), berjalan menggetarkan bahu, kepala mereka miring seperti unta. Mereka tidak dapat memasuki syurga, dan tidak menghidu aromanya walaupun ia mungkin dapat dihidu dari jarak yang jauh."

(Diriwayatkan daripada Hadis Muslim).

5. Pakaian yang dipakai tidak boleh menyerupai atau serupa dengan identiti wanita bukan Islam untuk mengelakkan perkara-perkara yang dilarang dalam Islam dan merosakkan akidah seorang Muslim. Tingkah laku yang tidak menyerupai cara hidup bukan Islam meliputi semua aspek. Ini termasuk cara berpakaian, cara hidup, cara bekerja dan sebagainya. Setiap perkara yang menyerupai atau meniru gaya hidup bukan Islam tidak akan diterima oleh Allah sebagai amalan yang baik. Allah berfirman dalam Surah Al-Azhab, ayat 33, yang bermaksud:

"Dan hendaklah kamu tetap diam di rumah kamu serta janganlah kamu mendedahkan diri seperti yang dilakukan oleh orang-orang Jahiliyah zaman dahulu; dan dirikanlah sembahyang serta berilah zakat; dan taatlah kamu kepada Allah dan RasulNya. Sesungguhnya Allah (perintahkan kamu dengan semuanya itu) hanyalah kerana hendak menghapuskan perkara-perkara yang mencemarkan diri kamu - wahai "AhlulBait" dan hendak membersihkan kamu sebersih-bersihnya (dari segala perkara yang keji)."

6. Warna pakaian dan hiasan yang ada mestilah sederhana. Seseorang boleh memakai pakaian warna terang selagi ia tidak menarik perhatian. Berpakaian warna-warna cerah tidak dilarang tetapi makruh dan Islam menggalakkan pengikutnya untuk menjauhkan diri daripada perkara-perkara yang makruh.
7. Pakaian yang dipakai oleh wanita mestilah berbeza daripada lelaki. Allah telah menetapkan bahawa wanita dan lelaki mempunyai ciri-ciri yang berbeza dan mempunyai peranan masing-masing dalam kehidupan ini. Ibnu Abbas (r.) Berkata:
"Nabi mengutuk lelaki yang menyerupai wanita dan wanita yang menyerupai laki-laki."

(Hadis oleh Bukhari).

8. Pakaian yang dipakai tidak menunjukkan kebanggaan yang mungkin menarik perhatian. Ia bertujuan untuk menghindari rasa keangkuhan dan rasa kecantikan dengan tujuan menunjuk-nunjuk selain daripada suaminya dan keluarganya. Seseorang mesti merendah diri kerana ia adalah sebahagian daripada sifat hamba yang beriman. Diriwayatkan dari Surah Al-Furqan, ayat 67, yang bermaksud:
"Mereka yang, apabila mereka membelanjakannya, tidak mewah dan tidak mengerikan, tetapi berpegang teguh di antara mereka."

Nabi Muhammad s.a.w mengatakan:

“Sesiapa yang memakai pakaian kasombongan di dunia maka Allah akan memakai pakaian hina padanya pada hari kiamat”

(Hadis riwayat Ahmad dan Abu Dawud)

“Sesiapa yang memakai keangkuhan di bumi, Allah akan menghiasi dia dengan kehinaan di akhirat”

(Hadis riwayat Ahmad dan Abu Daud)

Seperti yang disebutkan oleh Az-Zahabi dalam Kitab al Kabair, yang bermaksud:

“Di antara perbuatan terkutuk yang sering dilakukan oleh para wanita adalah menampakkan perhiasan emas, permata dan sebagainya yang dipakai di bawah (di dalam) pakaian mereka: memakai bau-bauan ketika keluar rumah; memakai pakaian berwarna warni dan berbunga-bunga; memakai baju luar yang licin dan panjang yang berlebihan (seperti pakaian kebesaran wanita bangsawan jahiliah). Semuanya itu termasuk pakaian yang dibenci Allah di dunia dan di akhirat.”

9. Pakaian yang dipakai tidak boleh diharumkan dengan minyak wangi dan bau-bauan sehingga dapat meningkatkan keinginan seksual orang lain. Wanita yang memakai minyak wangi ketika keluar rumah dicirikan oleh Nabi Muhammad s.a.w, sebagai pelacur. Seperti yang diriwayatkan oleh At-Tabaraniyy, al-Baihaqi dan al-Hakim), yang menurut Nabi Muhammad SAW, diterjemahkan sebagai:

“Mana-mana perempuan yang memakai bau-bauan, kemudian ia keluar melintasi suatu kaum (lelaki ajnabi) agar mereka tercium bau harumnya, maka ia adalah perempuan zina, dan setiap mata (yang memandang) itu berzina.”

Wanita hanya dibenarkan memakai minyak wangi ketika berada di rumah sendiri dengan suaminya. Walau bagaimanapun wanita dibenarkan memakai minyak wangi ketika kedatangan tetamu di rumahnya untuk mengelakkan rasa tidak selesa semasa menerima tetamu.

10. Pakaian yang dipakai menggambarkan Imej Islam. Pemilihan pakaian muslimah patuh syariah, semestinya menonjolkan imej sebagai seorang Islam secara keseluruhan termasuklah kelihatan sopan, bersederhana dan bermaruah agar lengkap disebut pakaian menutup aurat.

Pakaian Membalut Aurat

Menyentuh istilah pakaian membalut aurat, sememangnya hal ini perlu diambil perhatian. Isu ini perlu diberikan penekanan yang lebih dari sudut pemahaman bagi memupuk kesedaran etika pakaian menutup aurat yang sebenar bagi golongan muslimah. Pakaian membalut aurat semakin tular digayakan para muslimah samada golongan wanita atau remaja tanpa ada perasan malu, segan dan rasa bersalah apatah lagi berdosa.

Apa itu pakaian membalut aurat? Pakaian membalut aurat merupakan pakaian yang dipakai walaupun menutupi seluruh anggota badan tetapi kelihatan ketat, sempit, sendat, melekat, tidak labuh melepasi paras punggung sehingga menampakkan susuk tubuh badan sipemakai. Walaupun dipadankan dengan pemakaian hijab atau tudung tetapi masih tidak menutupi bahagian dada dan menampakan bahagian leher serta telinga. Terdapat juga yang hanya sekadar mengenakan pakaian dengan selendang yang menampakkan bahagian rambut serta jarang. Bagi

maksud yang lebih mudah berpakaian seperti hendak menutup aurat tetapi sama sekali tidak menepati etika pakaian Islam sekaligus disebut pakaian membalut aurat.

Berikut adalah contoh situasi yang lebih jelas mengenai pakaian membalut aurat:

1. Bertudung tetapi memakai baju yang sendat dan seluar yang ketat sehingga menampakkan bentuk tubuh badan.
2. Bertudung tetapi tidak menutupi bahagian dada dan melepaskan tudung yang dipakai kebelakang leher.
3. Bertudung tetapi dengan kain yang amat nipis sehingga dapat dilihat sanggul, leher, tengkuk dan dadanya.
4. Bertudung tetapi amat longgar tudungnya sehingga sengaja menayangkan bahagian depan rambut dan hujung rambutnya.
5. Bertudung labuh, berbaju labuh dan longgar seperti baju kebarung/kebaya tetapi terbelah di bahagian tengah atau tepi menampakkan bahagian betis dan kaki.
6. Bertudung tetapi mengenakan 'T-Shirt' berlengan pendek.
7. Bertudung dan berbaju longgar hanya di bahagian atas tetapi ketat di bahagian punggung ke bawah.
8. Bertudung dan berbaju labuh tetapi masih menampakkan telinga, leher dan sendat melilit anggota badan.
9. Bertudung tetapi tidak menutupi bahagian dada sehingga menampakkan perhiasan yang ada pada bahagian tersebut serta jarang.

Tersangatlah rugi bagi golongan muslimah yang kononnya beranggapan mereka sudah memakai pakaian menutup aurat tetapi sebenarnya tidak. Berpakaian membalut aurat sama sekali tidak wajar disebut pakaian busana Muslimah atau pakaian Islam kerana ini sama sekali mencemarkan imej baik agama Islam yang suci lagi murni. Ia juga sama sekali tidak wajar disebut pakaian sopan kerana mendedahkan bentuk tubuh badan kepada tontonan umum. Islam adalah agama yang sangat menjaga kepentingan maruah seorang muslimah. Dengan berpakaian seperti penjelasan di atas hanya mengundang dosa kerana tidak memakai pakaian yang menutup aurat yang patuh syariah, malah dilihat mengikut pengaruh dan budaya orang kafir yang sukakan pakaian menjolok mata serta menjadi perhatian ramai.

Berikut adalah contoh gambar yang membezakan pakaian menutup aurat dan pakaian membalut aurat:



Rajah 1: Perbezaan Pakaian Menutup Aurat Dan Membalut Aurat. Berdasarkan Gambar Di Atas, Menutup Aurat Yang Menepati Syarak Adalah Apabila Pakaian Yang

Dipakai Pemakai Longgar Sehingga Tidak Kelihatan Bentuk Fizikal Badan, Tidak Nipis, Tidak Jarang, Dan Tudung Dilabuhkan Melempi Paras Dada Manakala Pakaian Yang Bersifat Membalut Tubuh Digayakan Dengan Pemakaian Seluar Ketat Hingga Memerlihatkan Bentuk Kaki, Blouse Tidak Sukup Longgar Serta Pemakaian Turban Dianggap Tidak Memenuhi Syarak Tambahan Ianya Tidak Menutupi Atau Dilabuhkan Sehingga Menutupi Bahagian Dada.

Sumber Gambar: <https://satufikr.wordpress.com/2012/11/15/1205/>



Rajah 2: Kesalahan- Kesalahan Dalam Menutupi Aurat

Sumber Gambar: <https://darulkaulsarpemurniansyariat.wordpress.com/2018/12/19/kesalahan-kesalahan-di-dalam-menutupi-aurat/>



Rajah 3: Pemakaian Inner Yang Menampakkan Bentuk Lengan Adalah Pakaian Bersifat Membalut Aurat Kerana Inner Seperti Ini Hanya Menutupi Kulit Tetapi Masih Memerlihatkan Bentuk Tangan/ Anggota Badan Yang Wajib Ditutupi.

Sumber Gambar: <http://dahagakan-ilmu-islam.blogspot.com/2011/10/0h-aurat.html>



Rajah 4: Pemakaian Skaf Yang Menampakkan Telinga Dan Leher Adalah Tidak Memenuhi Syarak. Bahagian Anggota Badan Iaitu Telinga Dan Leher Dikategorikan Sebagai Aurat Yang Seharusnya Ditutup Dengan Sempurna Dengan Cara Melabuhkan Tudung Sehingga Menutup Bahagian Dada. Perhiasan Telinga Iaitu Subang Seharusnya Tidak Dipaparkan Kepada Umum. Bermaksud, Subang Yang Dipakai Ditelinga Menjadi Aurat Yang Juga Wajib Ditutup Bagi Memenuhi Hukum Syarak
Sumber Gambar: Instagram/ Khaininakhilil



Rajah 5: Bertudung Dengan Melabuhkan Selendang Menutupi Dada, Berbaju Longgar Dibahagian Atas Tetapi Mengenakan Seluar Sendat Dan Ketat Sehingga Menampakkan Bentuk Kaki Yang Mana Ini Lebih Kepada Membalut Aurat Berbanding Menutup Aurat Mengikut Syarak.

Sumber Gambar: Instagram/ Nurhanahalim



Rajah 6: Bertudung Tetapi Tidak Dilabuhkan Ke Dada Dengan Sempurna Manakala Pakaian Bersifat Membalut Tubuh Berbanding Menutup Aurat Kerana Ketat Sehingga Memaparkan Jelas Bentuk Fizikal Tubuh Pemakai.

Sumber Gambar: Instagram/ Bellapark12



Rajah 7: Pengayaan *Jumpsuit* Berlengan Pendek Sehingga Menampakkan Sebahagian Tangan Adalah Tidak Menepati Syarat-Syarat Menutup Aurat Dengan Sempurna Mengikut Syarak. Tudung Juga Tidak Menutupi Dada Dengan Sempurna Yang Mana Seharusnya Dilabuhkan Hingga Menutupi Bahagian Dada. Pemakaian *Jumpsuit* Sebegini Seharusnya Dielakkan Kerana Ianya Tidak Mampu Menutupi Bahagian Punggung Kecuali Sekiranya Dipadankan Dengan Pakaian Luar Seperti Jaket Atau Cardigan Labuh Melempi Punggung.

Sumber Gambar: Instagram.com/ Bellapark12

Dah Jadi Trend – Pakai Tudung Balut Leher, Tak Tutup Dada Dan Nampak Telinga. Alahai, Sayangilah Auratmu Wanita

Huda Hussain
 Oktober 21, 2020 21:59 MYT



Rajah 8: Gambar Di Atas Adalah Isu Berkaitan Trend “Tudung Balut” Yang Mana Pemakaian Tudung Ini Tidak Mengikut Syarak Kerana Menampakkan Leher, Telinga Dan Tidak Dilabuhkan Menutupi Bahagian Dada Dengan Sempurna.
 Sumber Gambar: Dah Jadi Trend – Pakai Tudung Balut Leher, Tak Tutup Dada Dan Nampak Telinga. Alahai, Sayangilah Auratmu Wanita | Gempak



Rajah 9: Gambar Di Atas Memaparkan Kategori Tudung: Minda Kelas 5 Oleh Penulis Albangiblog. Dapat Dilihat Pemakaian Turban, Tudung Yang Menampakkan Sebahagian Rambut, Memakai Skaf Pendek Tidak Melepassi Dada Adalah Tidak Mengikut Syariat Islam. Gaya-Gaya Di Atas Dianggap Tidak Menutup Aurat Tetapi Sekadar Hanya Berfesyen Mengikut Trend. Tambahan Pula, Kepala Dan Rambut Ditutup Secara Lewa Sahaja. Pendakwah Datuk Siti Nor Bahyah Mahamood Atau Lebih Dikenali Sebagai Ustazah Siti Nor Bahyah Di Dalam Web Sinarislamplus Menyatakan Seperti Berikut: “Memakai Turban Atau Skaf Pendek Hingga Menampakkan Leher Sama Sekali Tidak Boleh Di Kategorikan Sebagai Bertudung Mengikut Syariat. Ia Mendatangkan Dosa.”

Sumber Gambar: <https://albangi.wordpress.com/2013/08/01/tudung-minda-kelas-1-2-3-4-atau-tak-ada-kelas/>



Rajah 10: Kelihatan Kedua-Dua Wanita Memakai Tudung Tetapi Berkemeja Singkat Sehingga Menampakkan Bentuk Punggung Manakala Kelihatan Rekaan Kain Yang Dipakai Mempunyai Belahan Dibahagian Belakang Sehingga Menampakkan Betis. Justeru, Jelas Pemakaian Seperti Ini Lebih Bersifat Membalut Aurat Daripada Menutup Aurat Mengikut Syarak.

Sumber Gambar: <http://greenboc.blogspot.com/>



Rajah 11: Contoh Pakaian Menutup Aurat Dengan Sempurna. Dapat Dilihat Siluet Pakaian Adalah Longgar, Tidak Ketat, Tidak Menampakkan Bentuk Fizikal Tubuh Badan, Pemakaian Tudung Yang Menutup Melebihi Paras Dada Dan Fabrik Tidak Nipis Dan Tidak Jarang.

Sumber

<https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2023/01/1050325/sempernakan-tuntutan-tutup-aurat-raih-keberkatan-hidup>

Gambar:

Kesimpulan

Pakaian bukanlah untuk perhiasan semata-mata. Berdasarkan isu dan keterangan yang telah diperjelaskan mengenai pakaian menutup dan membalut aurat tidak bererti Islam melarang para muslimah berpenampilan cantik dan indah tetapi mestilah memenuhi syarat berpakaian dalam Islam yang patuh syariah seperti dijelaskan dalam Al-Quran dan hadis nabi. Keindahan dan kecantikan seseorang tidak hanya terletak pada fesyen pakaian yang digayakan sehingga menampakkan susuk tubuh badan yang boleh mengundang kepada timbulnya nafsu syahwat lelaki yang melihatnya. Allah telah berfirman dalam Surah An-Nahl 16 ayat 81 yang bermaksud:

“Dan Allah menjadikan bagi kamu sebahagian dari yang diciptakan-Nya: benda-benda untuk berteduh, dan Ia menjadikan bagi kamu sebahagian dari gunung-ganang tempat-tempat berlindung; dan Ia juga menjadikan bagi kamu pakaian-pakaian yang memelihara kamu dari panas dan sejuk, juga pakaian-pakaian yang memelihara kamu semasa berjuang. Demikianlah, Ia menyempurnakan nikmat-

Nya kepada kamu, supaya kamu berserah diri kepada-Nya dan mematuhi perintah-Nya.”

Segala puji bagi Allah SWT Tuhan sekalian alam. Pakaian merupakan nikmat Allah yang diberikan kepada hamba-Nya agar menutup anggota badan dan juga bertujuan sebagai perlindungan serta perhiasan diri. Berpakaian menutup aurat bukanlah satu pilihan tetapi merupakan tuntutan yang wajib dipatuhi bagi golongan wanita yang telah mencapai akil baligh. Selain dari itu perlu diingatkan bahawa berpakaian menutup aurat perlu diselarikan dengan kesederhanaan dan jangan berlebih-lebihan sehingga menjadi pusat perhatian ramai bagi mengelakkan timbulnya perasaan riak, takbur, ujub dan tabarruj. Golongan wanita diperintahkan hanya boleh berhias berlebih-lebihan ketika berada di rumah terutama untuk tontonan suami yang sukakan isterinya kelihatan cantik dan anggun. Semoga penjelasan berserta contoh yang diberikan dapat memberi kesedaran kepada para muslimah agar berpakaian menutup aurat dengan betul dan meninggalkan pakaian membalut aurat. Wallahualam.

Rujukan

Al-Quran al-Karim.

- Abdul Aziz Ismail. (2007). Aurat Lelaki dan Wanita Berdasarkan Al-Qur'an dan Hadis. Kuala Lumpur: Progressive Publishing Sdn Bhd.
- Abdul Halim Abu Syuqqah. (2009). Kebebasan Wanita Jilid 4. Selangor: Pustaka Dini.
- Abdul Qayuum Abdul Razak (2017). Pemikiran dan Kesenian Dalam Tamadun Islam. Universiti Teknologi Mara Melaka.
- Ahmad Fauzi. (2016). Pakaian Wanita Muslimah Dalam Perspektif Hukum Islam. Jurnal Ekonomi Syariah 1(1):41-58.
- Dr. Fariza Md Sham. (2006). Berfesyen Biar Menepati Syariat (atas talian) : www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2006&dt=0627&sec=Bicara_Agama. Pada 30 Jan 2023
- Dr. Muhammad Ali hasyimi. (2010). Keperibadian Seorang Muslimah dari Al-Quran dan Al-Sunnah. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.
- Dr. Mustofa Al-Khin, Dr. Mustofa Al-Bugho dan Ali Asy-Syarbaji (2009). Kitab Fikah Mazhab Syafie (3). Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn Bhd
- Dr. Mohd Puzhi bin Usop. (2010) Terjemahan Al-Quran Al-Karim Rasm Uthmani Dalam Bahasa Melayu. Selangor: Al- Hidayah House of Quran Sdn Bhd.
- Fatimah Hj. Omar. (2013). Tabarruj Penghalang Bau Syurga. Selangor: Pustaka Ilmuan.
- Menutup Aurat Atau Membalut Aurat (2011). (atas talian): <https://kijang59.blogspot.com/2011/04/menutup-aurat-atau-membalut-aurat.html>. Pada 30 Jan 2023
- Huda Hussain. (2020, Oktober 21). Dah Jadi Trend Pakai Tudung Balut Leher, Tak Tutup Dada dan Nampak Telinga. Alahai, Sayangilah Auratmu Wanita. (atas talian): <https://gempak.com/intrend/dah-jadi-trend-pakai-tudung-balut-leher-tak-tutup-dada-dan-nampak-telinga-alahai-sayangilah-auratmu-wanita-42942>. Pada 5 Mac 2023.
- Mohd. Izhar Ariff Mohd Kashim (2012, Mei). Syarat Dalam Berfesyen. Al-Islam (460), pp. 24-25.
- Muhammad Abdul Aziz al-Musnid. (2000). Indahnya Berhias. Jakarta: Darul Haq.
- Muhammad Shukri Amin Maarif (2018). Pakaian Dalam Al-Qur'an Dan Kaitannya Dengan Fesyen Masa Kini: Satu Sorotan Literatur. 2.Tinta Artikulasi Membina Ummah 4(2), 2018 1-11, E-Issn: 2289-960x 1. (atas talian): <http://www.journaltamu.com/wp-content/uploads/2019/01/TAMU-Vol-42-December-2018-1-11.pdf>. Pada 15 Jan 2023

- Nazrul Hassan (2020). Berfesyen Menurut Syarak. (atas talian):<http://pusatislam.usm.my/index.php/aktiviti/artikel/225-berfesyen-menurut-syarak>. Pada 3 Jan 2023
- Nick Nok Bolgger Malaysia (2020). Pakaian Muslimah Patuh Syariah. (atas talian):<https://niknock.my/pakaian-muslimah-patuh-syariah-fatma-sofea-pedas/>. Pada 13 Ogos 2021
- Norzaleha binti Zainun (2014). A Study of the Manifestation of Islamic Value in Contemporary Womens Fashion in Malaysia. Universiti Teknologi Mara Shah Alam
- Noziro Salleh (2021). Tabarruj dan Fesyen Pakaian Muslimah pada Zaman Kini. *Akademika* 91(1), 2021: 109-118. (atas talian): <https://doi.org/10.17576/akad-2021-9101-09>
- Qahhar Ibrahim & Noorsafuan Che Noh. (2018). Kepentingan Memberi Salam dan Etika Berpakaian Menurut Islam. *Jurnal Bitara* 1(3): 84-97.
- Turban, tudung pendek nampak dada berdosa. Tidak ikut syariat Islam. (atas talian):<https://sinarislamplus.sinarharian.com.my/isu/bertudung-tidak-mengikut-syariat>. Pada 5 Mac 2023
- Ustazah Rahimah binti Kifli (2020). Ayat- ayat suruhan Allah SWT mengenai Aurat Wanita. (atas talian):
Http://Jakimsabah.Islam.Gov.My/Index.Php?Option=Com_Content&View=Article&Id=93:Ayat-Ayat-Suruhan-Allah-Swt-Mengenai-Aurat. Pada 5 Mac 2023
- eramuslim.com (2022). Berjilbab Tapi Telanjang. Era Muslim Media Islam Rujukan. (atas talian):
<https://www.eramuslim.com/oase-iman/abdul-al-hafizh-berjilbab-tapi-telanjang.htm#.Y5k58XZByM8>. Pada 30 Jan 2023
- Yedida Kalfon Stillman (2000). Arab Dress (From The Down of Islam to Modern Times) ISBN 9004135936
- Yuszaidy Mohd. Yusoff & Muammar Ghaddafi Hanafia. (2015). Impak Media Baharu Terhadap Sistem Nilai Masyarakat Melayu di Malaysia. *Jurnal Komunikasi* 3 (2): 33-46.